Projek rumah DBI Properties tiada lesen

Kuala Lumpur: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengesahkan skim perumahan yang dilancarkan DBI Properties tidak dilesenkan mengikut Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan) 1996 atau dikenali Akta 118. Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, skim perumahan DBI Properties tidak melindungi hak pembeli dan urusan penjualan juga tidak dijamin.

HARIAN METRO

La ni habuk pun tiada!

51 pembeli rumah impian di Langkawi rugi antara RM30,000 dan RM100,000

Mohd Azam Shah Yaacob, Rabi 'Atul 'Adawiyah Ismail dan Hamzah Osman
am@hmetro.com.my

Langkawi

Cair dengan pujukan dan tawaran pakej pembinaan rumah serendah RM40,000 seunit dan siap dalam tempoh singkat menjadi punca 51 individu di daerah ini terjebak dalam kes penipuan membabitkan syarikat Juta Kelulut Global Resources (JKGR).

Difahamkan 51 mangsa terdiri daripada suri rumah, pesara kerajaan, peniaga, kakitangan kerajaan dan swasta menjadi mangsa penipuan syarikat terbabit apabila rumah banglo yang dijanjikan tidak menjadi kenyataan.

Malah, kebanyakan mangsa masing-masing kerugian antara RM30,000 dan RM100,000 selepas membayar sejumlah deposit dan baki bayaran berperingkat kepada syarikat itu.

Mangsa, Nazri Ali, 51, berkata, pada peringkat awal dia dan individu lain terpengaruh dengan janji wakil syarikat itu yang membuat promosi secara besar-besaran melalui poster, taklimat dan iklan dalam media sosial.

"Malah, kami lebih teruja dan menganggap ia projek kerajaan apabila turut menggunakan nama ahli politik tempatan yang berpengaruh.

"Kami juga tidak sedar syarikat terbabit sudah menimbulkan banyak masalah kepada sejumlah pembeli di Sabah, Selangor dan Perlis," katanya ketika ditemui selepas membawa wartawan meninjau tapak kosong di Jalan Padang Gaung, di sini, semalam.

Nazri yang juga seorang peniaga berkata, dia dan rakan mula mengesyaki sesuatu tidak kena apabila wakil atau pengurusan JKGR sukar dihubungi dan memberi pelbagai alasan untuk membina rumah selepas bayaran penuh dilunaskan.

"Mereka (JKGR) cerdik apabila berusaha menyiapkan sebuah rumah contoh dan menggunakan rumah contoh itu untuk mengabui mata pembeli bahawa mereka mampu menyiapkan rumah seperti dijanjikan dalam tempoh tiga bulan.

NAZRI (kiri) bersama rakan menunjukkan poster yang digunakan syarikat Juta Kelulut Global Resources untuk menipu pembeli rumah.

"Kami masing-masing kerugian antara RM30,000 dan RM100,000, malah paling sedih ada yang menggunakan duit ganjaran pencen sebagai pegawai kerajaan dan simpanan puluhan tahun dengan harapan dapat memiliki rumah," katanya.

Seorang lagi mangsa, Soleha Othman, 54, berkata, dia dan rakan yang tertipu mengharapkan pihak berkuasa menyiasat secara mendalam dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pemilik syarikat yang jelas menipu orang ramai.

"Pada saya bukan setakat 188 pembeli yang buat laporan polis yang mengalami nasib malang akibat ditipu, malah saya yakin lebih 500 mangsa termasuk yang belum membuat laporan polis terbabit dalam kes ini," katanya.

Kakitangan hotel, Muhammad Zakri Jantan, 37, berkata, setiap pembeli perlu membayar deposit sebanyak RM5,000 sebelum diikuti baki bayaran antara RM30,000 dan RM50,000 yang perlu dijelaskan dalam tempoh tiga bulan.

"Memang diakui reka bentuk rumah menarik dengan memiliki tiga bilik tidur, balkoni, ruangan keluarga dan makan, selain garaj kereta serta dapur yang selesa, tapi habuk pun tiada," katanya.

LAPORAN Harian Metro, semalam.

Mereka tampil menjelaskan perkara itu berikutan tindakan polis menahan tiga suspek utama berkaitan kes penipuan jualan rumah bernilai RM6.2 juta terdiri daripada Pengarah Urusan DBI Properties Datuk Nuruliman A Rahman atau dikenali Boy Iman dan dua pemilik JKGR, semalam.

Harian Metro semalam melaporkan amarah ratusan mangsa dari seluruh negara susulan dakwaan berlaku penipuan dalam proses jual beli banglo semurah RM50,000 hingga RM60,000 sejak awal September lalu sedikit reda apabila seorang pelakon, Datuk Nuruliman A Rahman atau dikenali sebagai Boy Iman ditahan polis.

Boy Iman yang pernah membintangi pelbagai drama, filem dan telefilem ditahan polis bersama dua lagi suspek utama di Ampang dan Setapak, di sini, bagi membantu siasatan berhubung penipuan jualan rumah membabitkan nilai keseluruhan RM6.2 juta.

Polis terima 13 lagi laporan mangsa

Kuala Lumpur: Sebanyak 13 laporan baru berhubung penipuan skim perumahan DBI Properties diterima polis, semalam.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, pihaknya sebelum ini menerima 188 laporan daripada mangsa di seluruh negara yang sudah membuat bayaran kepada syarikat itu.

Menurutnya, reman ketiga-tiga suspek yang ditahan akan disambung hari ini bagi siasatan lanjut termasuk laporan kes sama di Nilai, Negeri Sembilan dan Muar, Johor.

"Kami juga akan memanggil beberapa lagi individu untuk membantu siasatan," katanya.

Isnin lalu, Pengarah Urusan DBI Properties, Datuk Nuruliman A Rahman atau dikenali sebagai Datuk Boy Iman ditahan di Balai Polis Bukit Indah, Ampang kerana disyaki terbabit dalam penipuan jualan rumah yang membabitkan kerugian keseluruhan sehingga RM6.2 juta.

Turut ditahan adalah dua pemilik syarikat Juta Kelulut Global Resources masing-masing berusia 29 dan 45 tahun yang juga suspek utama kes itu.

ACRYL Sani

ROHAIDA

Boy Iman bukan ayahanda

Kuala Lumpur: "Boy Iman tak pernah diiktiraf sebagai ayahanda Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islamiah (PEKIDA). Jadi, kami harap orang ramai jangan kaitkan dengan PEKIDA," kata Pengerusi Perhubungan PEKIDA Wilayah Persekutuan merangkap Ahli Majlis Tertinggi PEKIDA Malaysia, Rohaida Roslan berhubung dakwaan pelakon Datuk Nuruliman A Rahman atau dikenali sebagai Boy Iman menyertai pertubuhan itu.

Malah, polis Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman turut merampas pelbagai sijil selain watikah pelantikan Boy Iman sebagai Ayahanda di Cheras ketika serbuan dilakukan Isnin lalu.

Rohaida berkata, gelaran ayahanda yang diguna Boy Iman diterima menerusi sebuah pertubuhan dikenali sebagai Majlis Jemaah Cochrane (MJC).

"Gelaran ayahanda bukan diberi secara sebarangan dan dalam PEKIDA sendiri, hanya dua individu yang berhak memberi gelaran ini kepada seseorang iaitu Presiden PEKIDA Malaysia, Jamaludin Yusof dan Pengerusi Pekida Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Roslan Dahaman," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Presiden Pertubuhan Permuafakatan Majlis Ayahanda Malaysia (PERMAS) Datuk Abdul Halim Ali berkata, tindakan Boy Iman itu memang memalukan bagi individu yang mengakui berstatus ayahanda.

Bagaimanapun, Abdul Halim berkata, tindakan (penipuan) pelakon itu bersifat peribadi dan bukanlah mencerminkan sifat individu berstatus ayahanda secara keseluruhannya.